

# **Program ‘Bacalah Adikku’: Membudayakan Khidmat Masyarakat Menerusi Penulisan**

Nurul Ain Kamarulzaman  
nurul\_ain\_kamarulzaman@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Tanjong Katong  
Pusat Bahasa Melayu Singapura

## **Abstrak**

“Matlamat dasar pendidikan ialah peralihan.” (Pemahaman Melalui Perancangan oleh Jay Mctighe dan Grant Wiggins). Hal ini merupakan dasar bagi program ‘Bacalah Adikku’ yang telah dihasilkan oleh Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tanjong Katong. Program ini berfokus kepada pembinaan sikap dalam kalangan pelajar agar melihat kemahiran menulis mereka melangkaui ruang lingkup bilik darjah dan penilaian. Guru telah menggunakan proses tiga tahap dalam Pemahaman Melalui Perancangan atau UbD (Hasil, Bukti dan Rancangan Pembelajaran) untuk melakarkan program sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar mendalami pemahaman mereka terhadap penulisan dan memanfaatkan apa yang dipelajari melalui beberapa kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan. Hal ini termasuklah menulis dan mengilustrasi buku cerita bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan nilai-nilai yang telah dipilih, menghasilkan e-buku, mempersembahkan sketsa berdasarkan cerita karya mereka dan juga menjalankan sesi pembacaan bersama-sama kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian yang dijalankan secara kualitatif mengesahkan bahawa pelajar-pelajar dapat membuat jalinan yang bermakna antara pembelajaran di dalam bilik darjah dengan dunia luar. Sekaligus, mereka juga menjadi penyumbang aktif yang dapat memenuhi keperluan masyarakat.

## **Kata Kunci:**

Pemahaman melalui perancangan, Penyumbang aktif, Khidmat masyarakat,  
Melangkaui bilik darjah, Nilai

## **Biodata**

Sebelum menceburi bidang pendidikan, Cik Nurul ‘Ain Kamarulzaman bertugas sebagai wartawan bebas bersama Berita Harian. Pada tahun 2011, beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pendidikan (Pengkhususan Melayu) dengan Kepujian dari Universiti Teknologi Nanyang dan Institut Pendidikan Nasional. Kini, beliau mengajar Bahasa Melayu dan Kesusasteraan di Sekolah Menengah Tanjong Katong.

## **Pengenalan**

Program 'Bacalah Adikku' telah dijalankan di Sekolah Menengah Tanjong Katong semenjak tahun 2011. Matlamat utama program ini adalah untuk memupuk para pelajar dengan Hasil Pendidikan Yang Diingini (*Desired Outcomes of Education*) seperti yang telah dilakarkan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu pelajar yang yakin, mempunyai arah sendiri, penyumbang aktif dan prihatin. Ia juga diharapkan dapat mendorong pelajar beraspirasi untuk menjadi insan yang berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat seperti yang ditekankan dalam visi Arif Budiman.

Melalui program ini, para pelajar diharapkan akan mengaplikasikan kemahiran penulisan yang dipelajari di sekolah ke luar ruang lingkup bilik darjah dan bukan mempelajari kemahiran tersebut bagi tujuan penilaian semata-mata. Sepanjang empat tahun, program ini telah melalui tinjauan dan telah diperhalus agar keberkesanannya dapat ditingkatkan.

Program Bacalah Adikku ini telah didanai oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Bahasa Melayu (MLLPC).

## **Pernyataan Masalah**

Pelajar seringkali beranggapan bahawa tujuan pembelajaran di dalam kelas hanya tertumpu di dalam ruang lingkup bilik darjah sahaja. Mereka turut merasakan bahawa segala yang dipelajari di dalam bilik darjah hanyalah bertujuan untuk penilaian dan menjawab soalan peperiksaan semata-mata.

Dalam satu tinjauan yang dijalankan oleh pihak sekolah, para pelajar diberikan 19 soalan yang berkaitan dengan pengajaran guru. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, respon bagi pernyataan 'Saya boleh mengaplikasikan pembelajaran kepada situasi di luar bilik darjah' adalah seperti berikut:

Rajah 1 : Respon pelajar bagi bagi pernyataan ‘Saya boleh mengaplikasikan pembelajaran kepada situasi di luar bilik darjah’

Peringkat	Sangat Setuju / Setuju	Sangat Tidak Setuju / Setuju
Menengah 3	80.91%	19.09%
Menengah 4	82.85%	17.15%

Daripada peratusan di atas, kita dapat melihat bahawa 19.09% pelajar Menengah 3 dan 17.17% pelajar Menengah 4 tidak dapat mengaitkan dan mengaplikasikan kemahiran di dalam kelas Bahasa Melayu dengan persekitaran mereka serta dunia luar. Mereka tidak dapat mengaitkan pengalaman pembelajaran yang mereka lalui dengan kehidupan seharian mereka. Hal inilah yang menjadi keprihatinan guru.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini ini dijalankan untuk mengukur keberkesanan program Bacalah Adikku yang dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada:

1. pembinaan sikap dalam kalangan pelajar agar melihat kemahiran menulis sebagai sesuatu yang melangkaui ruang lingkup bilik darjah; dan
2. menjadi penyumbang aktif kepada masyarakat melalui pemanfaatan ilmu yang dipelajari di sekolah.

### **Kajian Lepas**

Dalam kajian yang dijalankan oleh Grant Wiggins yang bertajuk ‘*Real-World Writing: Making Purpose and Audience Matter*’ dalam *The English Journal* Vol 98, beliau menyatakan bahawa dalam pembelajaran kemahiran penulisan, guru-guru biasanya akan memberikan penekanan terhadap teknik penulisan dan ciri-ciri karangan yang baik. Walau bagaimanapun, para pelajar tidak diberikan peluang untuk menulis bagi khalayak yang autentik tetapi sekadar menulis karangan untuk dibaca dan dimarkahkan oleh guru. Di samping itu, beliau juga menyatakan bahawa penilaian

yang autentik sepatutnya memastikan para pelajar menulis bagi khalayak dan tujuan yang autentik, bukan sekadar menulis berdasarkan tajuk karangan yang diberikan oleh guru. Oleh sebab itu, pelajar menganggap tugas yang diberikan oleh guru tidak bermakna bagi mereka.

Dalam kajiannya juga, Wiggins mendapati bahawa orang dewasa biasanya menulis untuk memberikan maklumat, seperti surat, emel, ucapan, blog dan lain-lain lagi. Jarang sekali kita menulis karya naratif dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itu, Wiggins menggalakkan sekolah-sekolah untuk menjalankan tinjauan yang lebih komprehensif dengan untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh orang dewasa apabila menulis.

Wiggins menyarankan menggunakan kaedah 'Perancangan Balikan' (*Backward Design*) daripada kerangka 'Pemahaman Melalui Perancangan' (*Understanding by Design*) supaya guru-guru dapat mengenal pasti hasil jangka panjang yang diinginkan melalui pengajaran mereka. Beliau juga menyarankan agar guru-guru bertanyakan diri mereka soalan-soalan berikut semasa merancang pengajaran mereka; iaitu Apakah jenis penulisan yang akan dilakukan oleh seseorang dalam dunia nyata? Apakah keperluan sebenar yang dihadapi oleh penulis dewasa? Melalui soalan-soalan ini, guru-guru dapat mengenal pasti khalayak dan tujuan penulisan yang akan dihadapi oleh para pelajar apabila mereka dewasa nanti agar guru-guru dapat melakarkan aktiviti yang berkesan di dalam bilik darjah.

Dalam kertas kerja yang bertajuk '*Accountability for Academics and Social Responsibility Through Service Learning*' oleh David B. Smith pula, beliau menyatakan bahawa guru-guru mempunyai tugas yang berat untuk mengajar murid-murid kemahiran dan ilmu, serta memastikan mereka juga menjadi insan yang menjalankan tanggungjawab sosial mereka. Smith juga telah menggunakan proses 'Perancangan Balikan' dalam kajiannya dan menganggap bahawa khidmat masyarakat merupakan satu cara yang baik untuk memastikan pelajar-pelajar dinilai dengan cara yang autentik. Para pelajar dalam kajian Smith ini menjalani program khidmat masyarakat selama 12 minggu dengan berkongsi cerita-cerita yang mereka

pilih bersama kanak-kanak autistik. Para pelajar ini juga menulis journal bagi merakamkan pengalaman dan pembelajaran mereka sepanjang program ini.

Pada akhir kajian tersebut, para pelajar memberikan maklum balas bahawa mereka sedar bahawa apa yang mereka telah pelajari di sekolah selama bertahun-tahun sebenarnya dapat dimanfaatkan di luar bilik darjah. Pengalaman itu juga telah menyedarkan mereka akan keperluan masyarakat dan memahami tanggungjawab mereka terhadap masyarakat.

### **Kaedah Kajian**


Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kerangka Pemahaman Melalui Perancangan atau UbD (Understanding by Design) yang mempunyai 3 langkah; iaitu mengenal pasti hasil yang diinginkan, menentukan hasil penilaian dan merancang pengalaman pelajar.

Rajah 2 : Langkah dalam kerangka Pemahaman Melalui Perancangan



Menurut Jay McTighe dan Grant Wiggins dalam *Understanding by Design*, matlamat dasar pendidikan ialah peralihan atau "the bottom-line goal of education is transfer." Peralihan ini hanya akan berlaku jika para pelajar dapat melihat pembelajaran mereka sebagai sesuatu yang bermakna. Hal ini juga telah dititikberatkan oleh guru-guru apabila melakarkan program 'Bacalah Adikku'.

Rajah 3: Hubungan antara Pemaknaan dan Peralihan ilmu dalam pembelajaran



### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan para pelajar menengah 2 yang mengambil bahasa Melayu sebagai mata pelajaran untuk Kertas Projek (*Project Work*) mereka. Para pelajar ini mengikuti kelas Kertas Projek sekali setiap minggu dalam waktu kurikulum. Setiap sesi mengambil masa antara satu hingga dua jam.

### Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah borang soal selidik pada peringkat prakajian, tugas pelajar iaitu buku cerita yang dihasilkan, sketsa yang disampaikan para pelajar serta renungan pelajar pada peringkat pascakajian.

Guru telah menggunakan proses tiga tahap dalam Pemahaman Melalui Perancangan atau UbD (Hasil, Bukti dan Rancangan Pembelajaran) untuk melakarkan program sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar mendalami pemahaman mereka terhadap penulisan dan memanfaatkan apa yang dipelajari melalui beberapa kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan. Tugas yang dihasilkan pelajar melibatkan penulisan buku dan mengilustrasi buku cerita bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan nilai-nilai yang telah dipilih. Para pelajar ini

turut menghasilkan buku mereka dalam bentuk e-buku dan mempersembahkan sketsa berdasarkan cerita karya mereka. Mereka turut menjalankan sesi pembacaan bersama-sama kanak-kanak prasekolah.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis kualitatif. Pada peringkat prakajian, guru telah memberikan borang soal selidik kepada pelajar untuk meninjau pengalaman awal dan latar belakang sedia ada sebelum program ini dijalankan. Para pelajar juga diminta memberikan tujuan mereka mempelajari penulisan di sekolah, menyenaraikan contoh-contoh kerja kemasyarakatan yang mereka tahu serta harapan yang ingin capai dengan menyertai program Bacalah Adikku. Ketiga-tiga item ini ditujukan kepada pelajar untuk mengenal pasti harapan mereka pada akhir program dan memastikan matlamat objektif serta hasil yang diharapkan tercapai oleh pelajar.

Para pelajar memberikan respon bahawa mereka mempelajari kemahiran menulis untuk menulis dengan baik, meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dan bagi tujuan peperiksaan Peringkat 'O' nanti. Seorang pelajar telah memberikan respon bahawa dia mempelajari kemahiran menulis kerana bercita-cita untuk menjadi penulis apabila dewasa nanti.

Bagi contoh-contoh kerja khidmat masyarakat pula, para pelajar menyenaraikan melawat rumah tumpangan orang-orang tua, mengumpulkan dana untuk badan kebajikan dan memungut sampah di kawasan awam. Tiada pelajar yang mengaitkan penulisan dengan khidmat masyarakat.

Kajian ini menggunakan proses tiga tahap dalam UbD untuk melakarkan program sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar mendalami pemahaman mereka terhadap penulisan dan memanfaatkan apa yang dipelajari melalui beberapa kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan.

## Langkah 1 – Mengenal Pasti Hasil Yang Diinginkan

Pada peringkat awal, guru mengenal pasti hasil yang ingin dicapai. Guru memberikan tumpuan kepada ‘pemanfaatan ilmu’. Sejalan dengan visi Arif Budiman, program ini memberikan tumpuan kepada pembinaan sikap pelajar agar mereka dapat melihat bahawa kemahiran menulis yang mereka timba di dalam bilik darjah dapat dimanfaatkan sebaiknya bukan setakat untuk tujuan peperiksaan semata tetapi dapat menyumbang kembali kepada masyarakat. Pada akhir program ini, para pelajar diharapkan sedar akan tanggungjawab sosial mereka dan bagaimana mereka dapat menyumbang kepada masyarakat.

## Langkah 2 – Menentukan Hasil Penilaian

Guru turut menggunakan contoh tugas iaitu buku cerita yang dihasilkan para pelajar secara individu sebagai bahan untuk menentukan hasil penilaian. Buku cerita ini kemudiannya akan diterbitkan dan dikongsi kepada kanak-kanak tadika. Pada masa yang sama, cerita yang dihasilkan oleh para pelajar turut dijadikan e-buku dengan aplikasi ‘mobile app’ agar buku cerita ini bukan sahaja dapat dibaca dalam bentuk bercetak, tetapi juga secara dalam talian. Selain daripada menghasilkan buku cerita, para pelajar turut menulis skrip bagi persembahan sketsa berdasarkan buku cerita yang mereka hasilkan. Sketsa yang dipersembahkan bagi kanak-kanak tadika untuk memupuk tabiat membaca yang baik dan menjadikan bacaan sebagai satu aktiviti yang menarik dan bermakna bukan sahaja kepada kanak-kanak tadika malahan para pelajar yang menghasilkan buku tersebut. Pemahaman pelajar terhadap penulisan dan kemahiran menulis mereka dapat dimanfaatkan melalui kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan tersebut.

Hasil penilaian ini dapat mengesahkan dapatan kajian secara kualitatif dengan mengesahkan bahawa para pelajar dapat membuat jalinan dan kaitan yang bermakna antara pembelajaran di dalam bilik darjah dengan dunia luar. Pada masa yang sama, hasil penilaian ini dapat membina sikap dan nilai para pelajar untuk menjadi penyumbang aktif kepada masyarakat sepertimana yang dilakarkan dalam rangka kerja Kementerian Pendidikan bagi pembelajaran abad ke 21 dan juga visi Arif Budiman.




### Langkah 3 – Merancang Pengalaman Pembelajaran

Pada langkah ketiga, selepas guru mengenal pasti hasil yang diinginkan serta menentukan hasil penilaian, barulah guru merancang pembelajaran bagi membantu pelajar memahami tujuan program. Pada peringkat ini, kemahiran para pelajar dalam bidang penulisan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Guru telah melakarkan program sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar mendalami pemahaman mereka terhadap penulisan dan memanfaatkan kemahiran menulis serta apa yang telah dipelajari melalui beberapa kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan.

Dalam tahap perancangan pengalaman pembelajaran, guru telah mengaturkan 4 langkah-langkah yang dilakukan pelajar sembilan bulan bagi program ini.

Rajah 4 : Kerangka program Bacalah Adikku



Dalam langkah yang pertama, pelajar perlu menulis papan cerita mereka untuk menghasilkan sebuah cerita yang bersesuaian bagi kanak-kanak peringkat tadika. Para pelajar diajar teknik menulis papan cerita untuk menghasilkan sebuah cerita yang menarik dan mudah diikuti oleh kanak-kanak tadika.

Pengalaman pembelajaran kemudian dilanjutkan kepada langkah yang kedua pula iaitu para pelajar mengilustrasikan sendiri gambar-gambar berdasarkan cerita yang mereka hasilkan. Selepas ilustrasi dilengkapkan, barulah cerita yang dihasilkan oleh pelajar menjadi sebuah buku cerita yang lengkap dan kemudian diterbitkan dalam bentuk cetakan dan dalam format e-buku.

Selepas selesai menghasilkan buku cerita, bagi langkah ketiga pula, para pelajar akan diajar cara-cara untuk menulis skrip mereka sendiri berdasarkan buku cerita yang mereka tulis. Apabila skrip mereka sudah dihasilkan dan melalui proses editing, barulah mereka mengikuti bengkel lakonan untuk membina kemahiran serta keyakinan mereka dalam menyampaikan persembahan sketsa dan menjalankan sesi bercerita.

Langkah keempat yang juga merupakan langkah terakhir pula melibatkan para pelajar untuk membuat persembahan sketsa yang dilakukan para pelajar kepada kanak-kanak tadika. Para pelajar ini turut menjalankan aktiviti-aktiviti susulan daripada persembahan sketsa tadi seperti kuiz kepada kanak-kanak tadika. Langkah keempat ini turut merupakan hasil penilaian.

Akhir sekali, bagi pascakajian, para pelajar dikehendaki untuk menulis renungan mereka berdasarkan pengalaman mereka mengikuti program Bacalah Adikku selama empat penggal. Bagi borang renungan ini, para pelajar dikehendaki untuk menulis pengalaman-pengalaman mereka bagi setiap langkah dan sesi yang mereka lalui. Melalui borang renungan ini, hasil yang diinginkan dapat dikenal pasti.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Melalui renungan para pelajar selepas program Bacalah Adikku dijalankan, dapat dirumuskan bahawa mereka telah meraih manfaat dalam beberapa perkara. Pertama, para pelajar menyatakan bahawa mereka telah mempelajari pelbagai kemahiran seperti kemahiran menulis cerita kanak-kanak, mengilustrasikan cerita, menulis skrip dan berlakon. Kedua ialah dari segi pembentukan sahsiah mereka. Dalam renungan pelajar, mereka memberikan nilai yang telah praktikkan sepanjang program ini seperti sabar, bekerjasama dan hormat-menghormati. Mereka juga

merasakan bahawa program ini dapat meningkatkan daya kreativiti dan juga keyakinan diri mereka.

Ketiga, renungan pelajar juga menunjukkan bahawa mereka telah dapat mengaitkan kemahiran menulis dengan khidmat masyarakat. Mereka berasa teruja semasa berinteraksi bersama-sama kanak-kanak di tadika bagi aktiviti sketsa, membaca dan kuiz. Buku yang diterbitkan dan diedarkan kepada kanak-kanak di tadika juga telah memberikan mereka kepuasan dan mereka berasakan bahawa kerja keras mereka sepanjang program ini akhirnya berbaloi kerana hasilnya dapat dimanfaatkan oleh orang lain. Kesemua pelajar yang terlibat memberikan maklum balas bahawa jika diberikan peluang, mereka akan meneruskan kegiatan khidmat masyarakat yang telah mereka lalui ini dan mereka juga akan menggalakkan rakan-rakan mereka untuk menyertai program yang sama.

## **Kesimpulan**

Setelah kajian ini dijalankan, kesimpulan dapat dibuat bahawa Program Bacalah Adikku berjaya mencapai hasil yang telah dikenal pasti. Pelaksanaannya mampu menggalakkan pelajar untuk mengaplikasikan dan memanfaatkan kemahiran penulisan mereka kepada sesuatu yang bermakna dan sekaligus menjadi penyumbang aktif kepada masyarakat, sejajar dengan kemahiran abad ke-21. Harapan guru-guru ialah para pelajar akan terus menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang mereka pelajari di dalam bilik darjah bagi apa juga mata pelajaran untuk menyumbang kepada masyarakat.

## Rujukan

Gulikers, Judith T.M., Bastiens, Theo J dan Kirschner, Paul A. (2004). *A Five-Dimensional Framework for Authentic Assessment. Educational Technology Research and Development* Vol 52 No 3.

Perkins, D N dan Salomon, Gavriel. (1998). *Teaching for Transfer*. ASCD.

Smith, David B. (2005). *Accountability for Academics and Social Responsibility Through Service Learning. Middle School Journal* Vol 36 No 4.

Wiggins, Grant dan Mctighe, Jay. (2005) *Understanding by Design*. ASCD.

Wiggins, Grant. (2009). *Real-World Writing: Making Purpose and Audience Matter. The English Journal* Vol 98 No 5.